

Company Name : TDM Berhad
Date : 31 August 2023
Source : Berita Harian

TDM sasar 100 peratus pekerja am tempatan di ladang

TDM Bhd (TDM) melalui anak syarikatnya, TDM Plantation Sdn Bhd (TDMP), menetapkan sasaran untuk mencapai kadar 100 peratus pekerja am dan 70 peratus penuai tempatan di ladangnya menjelang tahun 2027.

Ketua Pegawai Eksekutif TDMP Hamdan Ibrahim berkata komitmen itu membuktikan bahawa pelaburan dibuat syarikat itu dalam memperkasakan sosioekonomi rakyat Terengganu.

"Menerusi usaha bersama, kami menasarkankan untuk menaikkan taraf penduduk setempat. Kami yakin usaha yang kami ambil ini penting dalam memastikan kejayaan perniagaan syarikat dan kesejahteraan komuniti setempat terutamanya pada kadar jangka masa panjang," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif TDM Najman Kamaruddin berkata syarikat itu merancang untuk meningkatkan penggunaan mekanisasi dan teknologi pertanian tepat (Precision Agriculture) di ladang-ladang sawit bagi meningkatkan kecekapan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh manusia.

"Penggunaan mekanisasi ini diharapkan dapat menarik minat pekerja tempatan untuk menyertai industri perladangan. Selain itu, program latihan berterusan juga akan disediakan kepada pekerja tempatan untuk memperkasakan kemahiran dan teknik-teknik moden menggunakan peralatan-peralatan terkini," katanya.

BERNAMA